



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (28 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **27 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 20 kes dikesan di daerah Kuching, empat (4) kes di Daerah Miri, dua (2) kes di Daerah Sibu dan satu (1) kes di Daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 846 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

i) Daerah Kuching (20 Kes Baharu)(Kes Jangkitan Tempatan)

Hari ini 20 baharu kes telah dikesan di Daerah Kuching.

- a) 14 kes merupakan kontak kepada kes ke-798 yang telah dilaporkan pada 26 Oktober 2020. Kes-kes ini mempunyai kontak sosial yang mempunyai sejarah menghadiri beberapa perjumpaan bersama kes ke-798 di kawasan bandaraya Kuching. Kes-kes ini telah menjalani saringan rT-PCR di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching. Keputusan ujian rT-PCR pada 27 Oktober mendapati kesemua kes ini positif COVID-19.

- b) Enam (6) lagi kes merupakan individu yang menjalani saringan sendiri COVID-19 di sebuah fasiliti kesihatan swasta di Kuching. Kes-kes ini adalah dalam lingkungan umur 19 hingga 54 tahun. Kes-kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang dijalankan. Sehingga punca jangkitan dikenalpasti, kes-kes ini akan dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah pergerakan awal kes.

ii) Daerah Miri (4 Kes Baharu)(Kes Import-B dan C)

Hari ini terdapat empat (4) kes baharu yang telah dikesan di Daerah Miri iaitu tiga (3) kes pulang dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan satu (1) kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Perincian kes-kes ini adalah seperti berikut:

- a) **Kes Pulang dari Kawasan Berisiko Jangkitan COVID-19:** Tiga (3) kes ini merupakan rakan sekerja yang tiba di Miri dari Kuala Lumpur untuk *sign on* di pelantar minyak. Kes-kes ini telah tiba di Lapangan Terbang Miri pada 25 Oktober 2020 dan sedang menjalani arahan kuarantin di Miri. Kesemua kes telah menjalani saringan rT-PCR pada 26 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR mendapati ketiga-tiga kes ini positif COVID-19. Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 (Import B).

- b) **Kontak Rapat Kes Positif COVID-19:** Kes adalah seorang lelaki warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Kuching pada 21 Oktober 2020 dan pernah berjumpa dengan kes ke-818 yang merupakan kontak kepada kes ke-798. Kes mengalami gejala demam, batuk dan sakit tekak. Kes dikategorikan sebagai Import C iaitu kes yang mendapat jangkitan di luar daerah.

iii) Daerah Sibul (2 Kes Baharu)(Kes Import-B)

Hari ini, terdapat dua (2) kes baharu yang dikesan di Daerah Sibul. Kedua-dua kes ini adalah individu-individu yang pulang dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19. Perincian kes-kes ini adalah seperti berikut:

- a) Seorang lelaki petugas barisan hadapan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Selangor. Kes tiba di Lapangan Terbang Sibul pada 25 Oktober 2020 dan sedang menjalani tempoh kuarantin wajib 14 hari. Kes telah menjalani saringan rT-PCR sebaik tiba di Lapangan Terbang Sibul dan keputusan ujian rT-PCR COVID-19 mendapati kes positif COVID-19. Kes mengalami gejala selsema dan hilang deria bau. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sibul untuk rawatan lanjut.

b) Seorang perempuan warganegara yang merupakan pelajar di Johor. Kes tiba di Lapangan Terbang Sibu pada 25 Oktober 2020 dan sedang menjalani tempoh kuarantin wajib 14 hari. Kes telah menjalani saringan rT-PCR sebaik tiba di Lapangan Terbang Sibu dan keputusan ujian rT-PCR COVID-19 mendapati kes positif COVID-19. Kes mengalami gejala batuk dan selesema. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut.

Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 (Import B).

iv) Daerah Bintulu (1 Kes Baharu)(Kes Import-B)

Kes merupakan seorang lelaki warganegara Filipina yang bekerja di atas Kapal Tangki LNG yang berdaftar di Malaysia. Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala. Kes tiba di Malaysia dari Filipina pada 27 September 2020 dan telah menjalani tempoh kuarantin di Kuala Lumpur. Keputusan ujian pertama rT-PCR pada 27 September 2020 menunjukkan kes adalah negatif COVID-19

Kes telah meneruskan perjalanan ke Bintulu pada 15 Oktober 2020 dan diarahkan untuk menjalani kuarantin di Bintulu. Saringan ujian rT-PCR kedua telah dijalankan pada 25 Oktober 2020 dan keputusan ujian telah mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari luar negara (Import B) berdasarkan sejarah pergerakan awal kes.

B. Kluster Baharu yang Diisytiharkan

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengisytiharkan satu (1) kluster baharu iaitu Kluster Greenhill di Daerah Kuching. Indeks kes kepada kluster ini merupakan kes ke-798 yang telah disahkan positif pada 26 Oktober 2020. Seramai 45 orang kontak kepada kes ini telah disaring. Tiga (3) daripada kontak telah didapati positif COVID-19 pada 27 Oktober 2020 dan 15 lagi kontak didapati positif covid-19 pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes dalam kluster ini adalah seramai **25 orang termasuk indeks kes.**

Kes-kes ini merupakan kontak sosial yang mempunyai sejarah menghadiri beberapa perjumpaan dalam kawasan bandar Kuching. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak lain kepada kluster ini sedang giat dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak untuk mengelak berlakunya perebakan yang lebih serius.

C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, terdapat pertambahan satu (1) kluster baharu yang dilaporkan di daerah Kuching iaitu Kluster Greenhill. Ini menjadikan jumlah kluster yang masih aktif di Sarawak adalah sebanyak lima (5) kluster. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, dimana:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, lapan (8) orang kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan berada di dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 190 individu telah disaring dan lima (5) atau 2.63% telah dikesan positif COVID-19 dan 185 individu adalah negatif. Daripada 185 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.24% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, kesemua orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

iii) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai 25 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 949 individu telah disaring, dimana:

- **25 kes** dikesan positif COVID-19;
- 924 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 2.63%. Sehingga 28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Seramai 845 individu telah menjalani saringan pertama melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. 828 individu adalah negatif dan 17 individu adalah positif COVID-19.

iv) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 23 individu telah disaring, dimana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 10 individu negatif; dan
- Enam (6) individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 38.88%. Sehingga 28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

v) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan 21 kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah **25 orang termasuk kes indeks.**

Sejumlah 51 individu telah disaring, dimana:

- 25 kes dikesan positif COVID-19;

- 26 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 42.22%. Sehingga 28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

D. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kedua-dua baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **738** orang atau **87.23%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **89** orang iaitu:

- 81 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Lima (5) kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Sibui; dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.25%**.

Hari ini **33 PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Aktiviti Pengesanan Secara Aktif di Galacity, Kuching.

Pada malam 26 Oktober 2020, satu aktiviti pengesanan secara aktif (ACD) telah dijalankan di pusat perniagaan Galacity, Kuching. Seramai 312 individu telah disaring untuk ujian rT-PCR COVID-19. Setakat 28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua individu yang telah disaring masih menunggu keputusan ujian makmal.

Seramai 110 petugas kesihatan dan anggota pangkalan hadapan telah terlibat dalam operasi ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ribuan terima kasih kepada agensi yang terlibat dan kepada orang ramai yang telah memberi kerjasama semasa perjalanan aktiviti ini.

Hari ini, Daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 69 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1)

buah daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Memandangkan kes positif yang semakin meningkat di Daerah Kuching, maka Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah memutuskan beberapa perkara berikut:

A. Masa Operasi Kedai Makanan / Bistro

Semua masa operasi Kedai Makanan (*Food Outlet*) / Bistro di Daerah Kuching akan beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam **berkuatkuasa 29 Oktober 2020.**

B. Penutupan Pusat Kecergasan (*Public and Private Gymnasium*)

Semua Pusat Kecergasan (*Public and Private Gymnasium*) di Daerah Kuching **DITUTUP SERTA MERTA.**

C. Perhimpunan Orang Ramai

Bagi majlis sosial dan rasmi yang membabitkan perhimpunan orang ramai di Daerah Kuching, hanya dibenarkan jumlah **maksimum seramai 200 orang.**

JPBN menegaskan kepada pihak penganjur supaya memastikan *hand sanitizer* disediakan, penjarakan fizikal diamalkan dan semua yang hadir diwajibkan untuk memakai topeng pelitup muka.

D. Penjelasan Penutupan Pusat Hiburan

Berhubung dengan keputusan penutupan Pusat Hiburan yang telah diumumkan semalam (27 Oktober 2020), katagori Pusat Hiburan yang dimaksudkan adalah (*Pub, Bar, Lounge, Discotheque, Dance Hall, Cabaret, dan Karaoke*).

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **6 kompaun** di Daerah Kota Samarahan (3), Miri (1) dan Padawan (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **64 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (15), BDA (15), MD Marudi (15), DBKU (12), MS Serian (3), MDMJ (3) dan MPKS (1).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,398 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (184), Restoran (260), Kilang (8), Bank (101), Pejabat Kerajaan (37), Penjaja (37), Pasar Tani/Awam (48), Tempat Ibadah (54), Tempat Riadah (37), Tapak Pembinaan (14) dan lain-lain (618).

Seramai **547 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (257), ATM (32), RELA (123), APM (86), PBT (41) dan KKM (8).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1) dan Sri Aman (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,286** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

28 OKTOBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	819	Kes sedang dirawat di hospital	89	10.52%
Kes Baharu	27	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	140,460	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	846	Jumlah kes kematian	19	2.25%
IR per 100,000 penduduk	27.42	Kes telah sembuh dan discaj	738	87.23%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	8	9,197	33	10,044
Menunggu keputusan	1	1		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	81	2	1	5	0	89
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	2	0	0	0	2
	Kumulatif	609	39	46	42	738
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	25	6,669	20	536	2	444	0	12	80	82	69
Jumlah		25	6,669	20	536	2	444	0	12	80	82	69

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	573	0	113	0	109	0	4	0	0	0
2	Bintulu	1	313	1	47	0	46	0	0	1	1	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	2	118	2	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Lundu	0	257	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Bau	0	179	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	63	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
13	Miri	4	847	4	35	0	30	0	1	4	5	0
14	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
15	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
16	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
32	Kapit	1	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		8	3,375	7	310	0	294	0	7	9	10	0
Jumlah Besar		33	10,044	27	846	2	738	0	19	89	92	69

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **142** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **2,048 orang**. Manakala seramai **28,512 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 28.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,296)	Hock Lee	151
2		Kuching Park	144
3		Hilton	307
4		Harbour View	227
5		Riverside (Astana Wing)	182
6		Tune Hotel	69
7		Dormani Hotel	37
8		Grand Continental	179
9	Miri (498)	Mega Hotel	94
10		Imperial Palace	94
11		Eastwood Valley	70
12		Meritz	92
13		Miri	2
14		Dynasty	109
15		Citi Hotel	37
16	Bintulu (65)	Wasan Inn	16
17		Motel Kapok	32
18		Faber Inn	17
19	Limbang (85)	Purnama	39
20		Seri Malaysia (Lawas)	42
21		Shangshan (Lawas)	2
22		Mandarin (Lawas)	2
23	Sibu (104)	Premier	104
Jumlah PUS			2,048

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (5) dan Samarahan (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,857 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 28.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	5	606
2	Miri	TIADA	347
3	Sibu	TIADA	185
4	Samarahan	1	124
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	TIADA	114
7	Limbang	TIADA	86
8	Serian	TIADA	68
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	52
12	Mukah	TIADA	49
Jumlah Keseluruhan			1,857

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 28.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	5
3	MD Sri Aman	6
4	MP Sibu	9
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
7	MD lawas	8
Jumlah		50